UNM/DA49/UM/21.07.2005/p:26 (4).

Bengkel Seni Lukis di UUM esok

UM 21/07/05 26:4

SINTOK 20 Julai — Pusat Budaya dan Seni Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Bengkel Seni Lukis di Dewan Serbaguna Pusat Kegiatan Pelajar universiti itu, Jumaat ini.

Bengkel dua hari itu bertujuan memberi peluang kepada peminat mengembangkan bakat bagi memantapkan kepelbagaian teknik dan konsep seni lukis.

Pengarah pusat berkenaan, Huzaidy Hussain berkata, program itu juga bertujuan mendedahkan peserta agar mengetahui perkembangan sejarah seni lukis dan memahami jenis lukisan serta teknik yang betul.

Menurut beliau, bengkel itu diharap dapat menjadikan platform kepada peserta menunjukkan bakat dan kreativiti dengan mempamerkan kualiti lukisan bermutu.

Bengkel dan ceramah akan dikendalikan jurulatih Balai Seni Lukis Negara (BSLN), Aisyah Baharuddin.